

18 April 2017

Polis nafi tidak kongsi maklumat dengan Indonesia

USAHA PERANGI SINDIKET DADAH ANTARABANGSA

Polis nafi tidak kongsi maklumat dengan Indonesia

Kuala Lumpur: Polis Diraja Malaysia (PDRM) menafikan sukar memberi kerjasama kepada polis Indonesia dalam menyalurkan maklumat risikan memerangi sindiket penyeludupan dan pengedaran dadah antarabangsa. Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN), Datuk Seri Mohd Mokhtar Mohd Shariff, berkata dakwaan itu diterbitkan sebuah portal berita Indonesia pada 23 Mac lalu dengan memetik pihak berkuasa negara berkenaan.

Katanya, PDRM menjalin kerjasama dengan polis Indonesia sejak 2005, malah turut mengadakan 10 kali mesyuarat dua hala dengan kali terakhir pada 2015, dalam bergangsi maklumat risikan dadah. "Saya menafikan laporan itu. Kami bekerjasama dengan semua agensi penguatkuasaan, lebih-lebih lagi Indonesia kerana mereka antara jiran terdekat.

"Pada mesyuarat bersama mereka sebelum ini, kami turut menyatakan pendirian bergangsi maklumat risikan. Kalau dapat maklumat penyeludupan dadah, kami sekat (sebelum masuk ke negara itu) dan bila ada maklumat kami bekalkan kepada mereka.

"Maklumat terbaru disalurkan kepada Narkoba Polri pada 13 Januari lalu membawa kepada pe-

nahanan tiga lelaki warga negara itu dan seorang warga Hong Kong.

"Mereka turut membongkar makmal memproses dadah di Gudang Jakarta Timur, selain rampasan pelbagai jenis dadah serta peralatan memprosesnya," katanya pada sidang media di Bukit Aman, di sini, semalam.

Dakwaan portal MedanBisnis Portal berita MedanBisnis yang memetik Direktur Tindak Pidana Narkoba Bareskrim Mabes Polri, Brigjen Pol Eko Danianto, mendakwa gagal mendapatkan maklum balas pihak berkuasa negara ini terhadap usaha membanteras aktiviti penyeludupan dadah dari Malaysia yang menjadikan perairan negara itu khususnya Sumatera sebagai lahan sindiket.

Terdahulu, pada sidang media itu, Mohd Mokhtar berkata, JSJN merampas pelbagai jenis dadah bernilai RM81 juta membabitkan 49,492 kes dalam tempoh tiga bulan tahun ini hingga 13 April lalu.

Dalam tempoh itu juga, 55,903 individu ditahan iaitu 2,304 daripadanya warga asing.

Katanya, usaha berterusan pihaknya memerangi jenayah itu, terutama sindiket dadah antarabangsa turut membongkar lapan

premis dijadikan makmal memproses dadah di seluruh negara.

Kejayaan itu hasil kerjasama rapat dan perkongsian maklumat risikan antara polis negara ini dengan pihak berkuasa negara lain.

"Setakat 13 April lalu, kita merampas 333.55 kilogram (kg) syabu, 21.91kg ketamin, 47,235 biji pil ekstasi, 731,932 pil yaba dan 2,564,397 biji pil erimin 5.

"Turut dirampas 44.21kg ganja dan 150.39kg heroin bernilai RM81.67 juta," katanya.

Mohd Mokhtar berkata, dalam kes terbaharu pada 13 April lalu, hasil maklumat Suruhanjaya Kawalan Narkotik Kebangsaan China (NNCC) dan kerjasama Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), pihak berkuasa menumpaskan satu lagi sindiket dadah antarabangsa didalangi dua lelaki Nigeria.

Katanya, tangkapan ke atas suspek berusia 31 dan 33 tahun itu dibuat Pasukan Khas Taktikal Perisikan Narkotik di kawasan Taman Pusat Kepong, di sini, bersama tiga kotak besar dipercayai mengandungi syabu.

Katanya, hasil pemeriksaan menemui 47 beg gelas dengan 10 daripadanya mengandungi 5.08kg syabu dianggarkan bernilai RM400,000, disorokkan pada satu bahagian dalam beg berkenaan.

Fakta nombor

RM81 JUTA

55,903 INDIVIDU

dadah dirampas tempoh 3 bulan tahun ini hingga 13 April lalu

ditahan terabit dadah dengan 2,304 daripadanya warga asing



Mohd Mokhtar (kiri) dan Pengarah Jabatan Kastam Selangor, Datuk Sarip Ismail pada sidang media rampasan dadah dengan kerjasama kastam di Bukit Aman, semalam.

(FOTO SALHANI IBRAHIM/BH)